



**DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM
PENGGAL 1 SEMESTER 1 2009**

PEPERIKSAAN PENGGAL PERTAMA

**WD 4053 : FIQH MUNAKAHAT
KERTAS 2**

Tarikh: 15 Mac 2009

Masa: 10.00 – 11.00 pagi

Nama : Nurul Fadiah Johari

No. Matrik : 001 - 021 - 2008

MUKA DEPAN

ARAHAN KEPADA CALON

1. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.
2. Tuliskan nama dan nombor matrik anda dengan jelas pada tempat yang telah disediakan. Tuliskan juga nama anda pada setiap kertas jawapan anda.
3. Untuk kertas ini, anda **TIDAK BOLEH** merujuk kepada buku atau nota. Baca setiap soalan dengan teliti dan jawab dengan baik mengikut apa yang dikehendaki.
4. Terdapat tiga (3) soalan di dalam kertas ini. Anda dikehendaki menjawab hanya **dua (2)** soalan sahaja.
5. Mulakan jawapan anda bagi setiap soalan pada muka surat yang baru.
6. Kertas soalan ini mengandungi dua (2) muka surat (termasuk muka depan)

Soalan	Markah Penuh	Markah Dapat
1	25	
2	25	25
3	25	25
Jumlah	50	50
T. Tangan Pemeriksa:	<i>gheloh</i>	
T. Tangan Penyemak:		

Jawab dua soalan sahaja. Setiap soalan mengandungi 25 markah.

1. Seorang ayah berhak untuk menikahkan anak gadisnya atau menyerahkan hak tersebut kepada qadi. Sebagai ayah beliau perlu memenuhi beberapa syarat untuk menjadi wali kepada anaknya dalam pernikahan. Terangkan syarat-syarat tersebut serta hikmah disyariatkan wali dalam pernikahan seseorang perempuan.

2. Islam mewajibkan mas kahwin ke atas suami sebaik saja akad nikah berlangsung serta disunatkan agar meringankan (tidak melampau) di dalam menetapkan kadarnya. Berikan hikmah disyariatkan mas kahwin serta terangkan keadaan yang menjadikan suami diwajibkan memberikan :

- i. keseluruhan mas kahwin
- ii. separuh mas kahwin

pemberian yang diwajibkan pada seorang lelaki ke atas isterinya
 hikmah - bayaran atas hikmah yg diberikan memelihara kehormatan wanita.

3. Kementerian Kesihatan di Singapura kini amat menggalakkan para ibu menyusukan anak-anak mereka selepas melahirkan memandangkan khasiat susu ibu buat bayi. Jelaskan pendirian Islam mengenai hal ini, adakah seorang ibu diwajibkan menyusukan anaknya atau ia hanya merupakan hak ibu, serta berikan kesan penyusuan terhadap hubungan kekeluargaan.

dari segi fizikal, adik-adik berakhlak dengan tidak boleh bertakut-takut
 - berakhlak dengan tidak boleh bertakut-takut
 - lelaki tidak boleh bertakut-takut dgn ibu susunya

tidak wajib; tetapi diutamakan; tidak banyak kesetiaan dapat kebunikan
 hak ibu; peribadinya
 mended kepada ibu dan saudara

→ menunjukkan bgmn susu ibu dapat memperatkan hubungan kekeluargaan.

Jawapan No : 2.

Mas kahwin dapat difahamkan sebagai pemberian yang dinajatkan ke atas seorang suami terhadap isterinya selepas melangsungkan pernikahan dengannya. Mas kahwin dapat berupa dalam bentuk wang, barang kemas dan sebagainya, menuntut kemampuan si suami. Apa yang penting ialah dia dapat memberikan isterinya sesuatu sebagai lambang menunjukkan kesungguhannya untuk mengahwini wanita itu dan kesungguhannya untuk memelihara dan menyucikan kehormatan wanita itu. Kadar bagi mas kahwin tidak ditetapkan dalam Islam, kerana ia berdasarkan tahap kemampuan seorang lelaki serta konteks kehidupannya.

Ikhtisar mas kahwin, pertama, terletak pada bagaimana agama Islam memelihara kehormatan seorang wanita dan tidak membiarkannya "diberi" kepada seorang lelaki dengan begitu mudah. Sesungguhnya wanita itu bukanlah sebuah alat yang boleh diletakkan sebuah harga, namun konsep mas kahwin ini melambangkan nilai seorang wanita yang amat tinggi dan dihormati.

Kedua, ikhtisar mas kahwin ini terletak pada kesungguhan si lelaki untuk memperisterikan seorang wanita itu dan ini amat penting sebagai salah satu langkah dalam permulaan sesebuah rumah tangga itu. Mas kahwin itu juga melambangkan ~~bagaimana~~

Nama Pelajar : Nurul Fadhah Johari

Modul (Subjek) : WD 4053

Jawapan No : 2

tanda "terima kasih" si suami pada isterinya kerana telah mengizinkan untuk merosakkan kenikmatan daripada istimta' yang halal dan berdasarkan garis panduan syariah. Sekali lagi, ini menunjukkan dengan jelas bagaimana agama Islam amat menekankan kesucian kehormatan seorang wanita yang tidak sepatutnya diberikan ~~dengan~~ secara senang lewa.

Pemberian dan jumlah mas kahwin ~~diberikan~~ pada ~~jumlah~~ berbeza, bergantung pada situasi yang tertentu.

(i) Seorang suami wajib memberikan isterinya sejumlah mas kahwinnya selepas akad nikah dan melakukan persetubuhan ~~dengan~~. ~~dengan~~ kedua-dua suami isteri seharusnya ~~bila~~ menetapkan bila si suami patut memberikan isterinya mas kahwin, agar tidak berlakunya salah faham dan perbalahan antara suami isteri. Si isteri juga berhak untuk menolak permintaan suaminya untuk bersetubuh ~~dengan~~ sekiranya si suami belum dapat memberikannya mas kahwin pada masa yang telah ditetapkan. Namun, sekiranya si isteri telah bersetuju dengan suaminya untuk mempertambatkan pemberian mas kahwin, dia tidak patut menolak permintaan si suami untuk bersetubuh.

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____

Jawapan No : 2

(ii) Seorang suami patut sekiranya pasangan itu bercerai sebelum mereka bersekolah, si suami harus memberikan isterinya sepanah sahaja daripada mas kahwin itu, kerana dia tidak dapat merasakan kenikmatan daripada persembahan daripada isterinya. Sekiranya mereka telah bersekolah, si suami patut memberikan keseluruhan mas kahwin itu.

25

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____

Jawapan No : 3

Dalam Islam, seorang ibu itu tidak diwajibkan untuk menyusukan anaknya. Dia mempunyai hak untuk memilih sama ada untuk menyusukan anaknya itu atau tidak. Namun begitu, agama Islam amat menggalakkan para ibu untuk menyusukan anak-anak mereka, terutama sekiranya mereka mampu, kerana terdapat lebih banyak kesan baik daripada buruk daripadanya. Manfaat-manfaat daripada penyusuan ini ternyata bukan sahaja pada diri anak, malah pada ibunya juga.

Seorang ibu yang menyusukan anaknya dapat melalui proses pemulihan selepas bersalin dengan lebih cepat. Menurut penemuan saintifik, rahimnya akan dapat "berting" dengan lebih cepat. Dia juga akan dapat menurunkan berat badannya dengan lebih cepat dan efektif, agar dapat mengembalikan bentuk tubuhnya. ~~asalnya.~~ Susu ibu juga mengandungi lebih banyak zat dan protein daripada susu formula dalam tin kerana khasiatnya datang daripada pemakanan sahaja ibu. Anak-anak yang diberikan susu ibu juga biasanya lebih sihat dan cerdas daripada mereka yang minum susu formula. Mereka juga kurang lapar kerana susu ibu lebih memuaskan kerana kandungan lemak dan protein yang tinggi.

Nama Pelajar : Nurul Fadiah Johari

Modul (Subjek) : WD 4053

Jawapan No : 3.

Dari segi hubungan kekeluargaan, seorang ibu yang menyusukan anaknya sendiri dapat menjalinkan ke hubungan yang lebih rapat dengan anaknya, terutama pada ~~usia~~ peringkat awal kehidupan si anak. Dengan terjalannya hubungan yang rapat ini, hubungan antara ibu dan anak, insya Allah, akan tetap rapat sepanjang hidup mereka.

Dari sudut fiqh, banyak penekanan telah diberikan pada konsep penyusuan kerana ternyata kesah-kesannya ~~menjaga~~ terdapat pada golongan yang terlibat pada jangkamasa yang panjang. Misalnya, ~~seorang~~ seseorang itu tidak dibenarkan untuk menikahi ibu atau adik-beradik susuannya.

Ini kerana sesapa yang telah disusukan oleh wanita sama, meskipun beliau bukan ibu kandungnya, akan dianggap sebagai adik-beradik susuan. Dari sudut saintifik, kita dapat melihat bagaimana susu wanita itu telah menjadi sebahagian daripada diri seseorang itu, kerana susu itu dijadikan daripada darah dan sumber-sumber ~~zat~~ dalam ~~zat~~ dalam tubuh wanita itu sendiri. Justeru, anak-anak yang disusukan oleh wanita yang sama dianggap sebagai adik-beradik dan ini juga memestakan rangkaian kekeluargaan dalam ~~bidan~~.

Sebagai kesimpulan, hikmah yang dapat kita perolehi daripada

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____

Jawapan No : 3.

konsep penyusuan ini adalah bagaimana setiap apa yang dijadikan oleh Allah s.w.t secara fitrah mempunyai kegunaan dan manfaat-manfaatnya yang tersendiri dan ini seharusnya digunakan dengan sebaik mungkin. Ini kerana manfaatnya bukan sahaja terletak pada si ibu dan anaknya, malah dapat meluas kepada hubunyan kemasyarakatan juga.

25

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____